

PENERIMAAN MASYARAKAT MAJMUK TERHADAP INSTITUSI BERORIENTASIKAN ISLAM; SATU TINJAUAN DI KOTA BHARU

Oleh:
Nur Azuki Bin Yusuff

Abstrak

Institusi yang diorientasikan dengan syariah Islam merupakan suatu tuntutan masyarakat kini ke arah merealisasikan sebuah kehidupan sempurna bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia. Bagi menyambung tradisi pembinaan peradaban Islam, institusi berorientasikan Islam di negara ini memerlukan penerimaan dalam skop penglibatan, pengaruh, kepercayaan dan kebersamaan dari seluruh masyarakat majmuk. Dalam usaha tersebut, kertas kerja ini mengetengahkan pengenalan realiti penerimaan masyarakat majmuk Kota Bharu terhadap institusi berorientasikan Islam di bawah Permodalan Kelantan Berhad (PKB) sebagai rangka tinjauan awal penelitian.

1. Pengenalan

Kertas kerja ini adalah suntingan dari tesis Ph.D yang bertajuk “Institusi Berorientasikan Islam di bawah Permodalan Kelantan Berhad; Analisis Penerimaan Masyarakat Majmuk Kota Bharu”. Secara ringkasnya kertas kerja ini akan mengetengahkan pengenalan berkenaan konsep penerimaan institusi dalam Islam, klasifikasi institusi berorientasikan Islam, gambaran ringkas kepentingan kajian, kaedah kajian dan hasilnya.

2. Konsep Penerimaan Institusi Dalam Islam

Penerimaan amnya memberi maksud perbuatan menerima, menyambut, menghargai, mengakui, mengizinkan, membenarkan dan juga melibatkan memilih dan menyertai sesuatu rancangan, program, kaedah, institusi dan selainnya (Kamus Dewan (2002), h. 1432 – 1433). Ia juga bermaksud menyetujui sesuatu kehendak dan pengambilan sesuatu hak (Kamus Pelajar, Bahasa Malaysia (1988), h. 715).

Dalam bahasa Arab, penerimaan adalah sinonim dengan perkataan; *قبولا*, *تسلم*,
استقبال, *مقابلة*. (Abd. Bin Nuh dan Oemar Bakry (1995), h. 301 – 302)
Perkataan *تسلم* membawa maksud *الشيء:تناوله*, *قبضه*
صدقه, *أخذه*, *ان يكونا على استقامة مع الأرض* *مقابلة*
manakala *قبولا*, *استقبال*, (*al Munjīd Fi al Lughah wa al A'lām* (1986), h. 348
dan 606).

Dalam bahasa Inggeris, penerimaan adalah merujuk kepada perkataan
'*reception*' iaitu *to receive* atau *to accept* (Abd. Bin Nuh dan Oemar Bakry
(1995), h. 301 – 302). Dalam kajian ini, konsep penerimaan meliputi maksud
involvement, *acceptation*, *acceptance* dan *reception*. *involvement* ialah
penglibatan, (Kamus Dwibahasa (1990), h. 652), relevannya perkataan ini kerana
penerimaan melibatkan 'memiliki dan menyertai sesuatu atau seseorang sebagai
sebahagian, elemen dan sealiran, menjadi sebahagian atau menduduki sesuatu'.
(A.S. Hornby (1995), h. 630)¹ *Receive* bermaksud menerima, mendapat dan
menyambut manakala *received* diterima umum sebagai betul (Kamus Dwibahasa
(1990), h. 1011 – 1013).²

Acceptation bermaksud sesuatu perkataan yang diterima umum. *Acceptance* pula
berkaitan hal menerima, penerimaan dan persetujuan (Kamus Dwi Bahasa,
Oxford Fajar, h. 9). Ia berupa tindakan atau perbuatan menampakkan persetujuan
terima hadiah, pelawaan dan selainnya. Begitu juga proses pengakuan kepada
suatu kumpulan, perjanjian dan persefahaman dalam mencapai suatu atau
toleransi bagi suatu yang tiada berkepentingan diri (Hornby (1995), h. 7 dan
972).³

¹ 'To have or include something or somebody as a part, an element or condition. Taking part in or being part of something' ..

² Hawkins pula menjelaskan *Receive* sebagai ; acquire, accept, or take in, experience, be treated with, allow to enter, great on arrival; take willingly, say yes to an offer or invitation, agree to or take as true., (Kamus Dwi Bahasa, Oxford Fajar, Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti, h. 207).

³ "The action or an instance of accepting a gift, invitation, offer etc, the action or process of being accepted or admitted into group, agreement with approval of, or belief in something and willingness to tolerate something unpleasant". Manakala *Reception* pula ialah "The action of receiving somebody or something or of being received, the way in which a person or group reacts to something, the quality and efficiency of receiving broadcast signal.

Menurut Maslow (1954) dalam teori pendidikannya, penerimaan bermaksud menghargai sifat-sifat istimewa individu sebagai manusia unik yang berbeza dengan individu lain dari segi sikap, pengetahuan dan kemahiran. Penerimaan bererti memberi peluang kepada individu belajar menerima diri mereka sendiri. (Maslow (1954); Atan Long (1976))

Secara jelasnya penerimaan tidak mempunyai konsep yang tersendiri yang dijelaskan oleh para intelektual selain dari disokong oleh beberapa istilah yang dikemukakan tadi. Secara pastinya ia melibatkan dua bentuk penerimaan iaitu bersifat luaran dari sudut perbuatan dan dalaman dari sudut niat, hati dan perasaan. Namun demikian, terdapat satu konsep yang meletakkan penerimaan sebagai salah satu ciri kuantitatif secara tidak lansung dalam 'konsep pembangunan' apabila ia dihubungkan dengan ukuran kuantitatif seperti peningkatan produktiviti, pendapatan perkapita, peningkatan keluaran negara kasar, peningkatan kadar pertumbuhan dan peningkatan penerimaan (Syed Husin Ali (1976)).

Kebanyakan intelektual Barat cenderung mengetengahkan pembangunan kepada pentafsiran material (Rahimah Abdul Aziz (t.t), h. 26).⁴ Menurut kaca mata Islam, pembangunan melibatkan zahir dan batin meliputi aspek moral, kerohanian dan kebendaan. Kegiatannya mestilah berorientasikan nilai dan menekankan semua aspek kehidupan manusia. (Syed Husin Ali (1976)) Pembangunan berteraskan Islam berbeza dengan pembangunan konvensional yang dibentuk dari akal fikiran, samada dari pandangan para intelektual pasca-klasik⁵ atau golongan radikal.⁶ Pembangunan berteraskan Islam terbentuk dari

⁴ Menurut John Button pembangunan ialah: "Change for The better; healthy growth. Development has been used in some many contexts and with so many implications that it has often become meaning less" (Button (1988), A Dictionary Of Green Ideas, Routledge, London. h. 122); Manakala berdasarkan doktrin W.W. Rostow, pembangunan ialah; "...the problems posed by creation of the pre conditions and the take of must be solved by means which leave open the possibility of such take of must be solved by means which leave open the possibility of such a humane, balance evolution". (Rostow (1960-an), *The Stages Of Economic Growth-non-communist Manifestoc*, c. 2, New York, Cambridge University Press, h. 165)

Walaupun ada perkiraan yang lebih kompleks menghubungkan pembangunan dengan unsur-unsur sosial, budaya dan politik, peningkatan taraf hidup ekonomi tetap dikatakan sebagai faktor penentu kepada pembangunan dan kesejahteraan semua bidang kehidupan masyarakat yang lain.

⁵ Antaranya Nurske, Lewis, Brand, Buchanan dan Ellis, Lerner, Parsons, Brian Parkinson, W.W. Rostow dan sebagainya.

gabungan dalil-dalil aqli yang berdasarkan tasawwur dan epistemologi Islam dengan dalil-dalil naqli yang berpaksikan al-Quran dan Hadis Rasulullah s.a.w. (Syukri Salleh (1987)).⁷

Konsep penerimaan tampak lebih jelas apabila dinyatakan pembangunan (dari sudut penerimaan) bermaksud satu proses rakyat dipadukan dengan usaha kerajaan untuk memperbaiki keadaan ekonomi, sosial, pendidikan, politik dan lain-lain nilai hidup masyarakat, kebudayaan serta menyatukan masyarakat dengan inspirasi negara dan untuk membolehkan rakyat membuat sumbangan terhadap kemajuan negara. (Alias Mohamed (1973), h. 27.) Penerimaan yang dilakukan oleh masyarakat majmuk memberikan sumbangan kepada masyarakat dalam perindustrian, pertanian, perniagaan, persyarikatan dan lain-lain usaha. Penekanan gerakan penerimaan merangkumi semua aspek kehidupan: ekonomi, pendidikan, politik, sikap dan pendirian demi masyarakat.

Dari keseluruhan kenyataan tentang konsep penerimaan, masing-masing tidak menafikan bahawa penerimaan adalah suatu tindakan, respon atau reaksi terhadap persetujuan dan membenarkan apa yang diterima tersebut samada ia bersifat kebendaan, kepercayaan, arahan dan sebagainya. Oleh itu konsep penerimaan institusi dalam Islam adalah melibatkan persetujuan, penglibatan dan sokongan terhadap institusi tersebut, walaupun ianya mungkin tidak disertai dengan kepercayaan akidah, terutama dari kalangan masyarakat bukan Islam.

3. Klasifikasi Institusi Berorientasikan Islam

Terlebih dahulu, dijelaskan pengenalan ringkas institusi, institusi Islam dan konvensional. Penerangan konsep institusi dalam pengajian sains sosial adalah begitu terperinci, justeru kesimpulan yang ingin dinyatakan bahawa institusi wujud dalam dua keadaan:

⁶ Antaranya Raul Prebisch, Paul Baran, Dos Santos, Andre Gunder Frank, Samir Amin, Immanuel Wallerstein dan sebagainya.

⁷ Malik Bin Nabi menggunakan istilah yang lebih menepati pembangunan dalam Islam sebagai Peradaban (al-Hadārah). ('Ali al-Quraisyiy (1989), *al-Taghyūr al-Ijtimā'ī 'Inda Malik bin Nabi*, Misr: al Zahra li al 'Ilam al-'Ara'ī. h.108

1. Secara sengaja melalui suatu badan organisasi formal yang dibina, disusun, diikat dan ia menstruktur sesuatu, membentuk peraturan dan sistem lengkap yang diadakan bagi tujuan tertentu atau suatu yang sudah berakar umbi dan menjadi kukuh dan disepakati dalam masyarakat.
2. Secara tidak lansung melalui pembentukan fitrah manusia, bentuk-bentuk tatacara yang tertubuh secara sosial dan menjadi satu amalan. Ia mempunyai kombinasi norma, budaya dan etika yang merupakan suatu ketentuan yang tidak tertulis tetapi dipraktikkan.

Kedua-dua keadaan mempunyai ciri-ciri yang sama dari sudut:

1. Memenuhi pelbagai keperluan manusia yang lahir dengan adanya pelbagai resam (mores) sebagai satu penetapan. Ia mempunyai konsep kebajikan masyarakat.
2. Melahirkan sistem dan aktiviti sosial yang dibentuk secara berorganisasi dan berkelompok. Ia mempunyai peraturan yang abstrak berupa kod dan norma-norma tidak formal ataupun yang formal, termasuk ideologi dan peraturan bertulis atau tidak.
3. Pembinaan institusi termasuk pelaksanaan kepercayaan yang disepakati masyarakat dan tidak hanya bergantung kepada penilaian, keinginan dan kebiasaan individu secara tersendiri.
4. Ia membentuk perilaku individu dalam masyarakat dengan peraturannya. Ia dianggap sebagai ciri dan kerangka dari penampilan individu pembina dan pemimpinnya.


Berdasarkan kenyataan institusi itu, bentuk Institusi Islam adalah institusi yang diasaskan atas nama dan kepentingan Islam yang mempunyai budaya dan etika Islam yang dilaksanakan serta suatu organisasi yang mengharapkan kemajuan Islam dalam pelbagai medan. Institusi Islam setidak-tidaknya mestilah berasaskan ketuhanan, syariat, keadilan, kemanusiaan, kebersamaan, berakhlak, kebebasan, jaminan hak, kehormatan, keselamatan, kemajuan dan pembangunan. Dalam masa yang sama, kesemua ciri-ciri tersebut tidak menafikan kedudukan masyarakat bukan Islam, contohnya sebagaimana terbentuk pada zaman Nabi s.a.w. dan sahabatnya. (Abu al-Ma'ali Abu al-Futuh, (1977); *Sistem pemerintahan dalam Islam* (1985)) Manakala istilah konvensional umumnya

berasaskan pengaruh barat yang diterima oleh masyarakat dan dibina bukan berasaskan kefahaman tauhid keIslaman samada dibina oleh kerajaan, swasta ataupun orang Islam dan bukan Islam. Jadi, istilah institusi konvensional ini adalah umum dan meliputi segenap aspek politik, sosial, ekonomi dan kehidupan. Ia terdiri dari semua institusi yang mempunyai hubungan kait samada dari sudut pengaruh, budaya, peniruan, perpindahan dan selainnya yang menampakkan tiada kelangsungannya dengan syariat Agama.

Kenyataan institusi Islam adalah tadi umum, ia boleh dikatakan sebagai institusi Islam yang lengkap dan sempurna. Namun jika merujuk kepada situasi yang berlaku, terdapat bentuk institusi Islam yang kurang sempurna atau institusi konvensional yang diorientasikan dengan pemikiran Islam samada dari sudut sistem, falsafah atau nilainya. Terdapat banyak bentuk institusi yang identitinya berada pada ruang jurang antara kedua-dua bentuk institusi itu. Justeru, kecelaruan identiti tersebutlah menyebabkan timbul pendekatan bagi mengklasifikasikannya kepada satu bentuk baru institusi. Identiti institusi yang berada pada ruang jurang perbezaan itu pastinya mempunyai kriteria yang condong kepada samada institusi Islam atau konvensional. Justeru pengkaji membahagi dan menamakan institusi tersebut sebagai institusi berorientasikan konvensional ataupun Islam. Situasi inilah mencetuskan istilah ‘berorientasikan’.

Istilah ‘berorientasi’ dapatlah dirumuskan sebagai arah aliran yang diikuti atau yang menjadi seperti landasan bagi sesuatu pergerakan atau perkembangan. Ia juga bermaksud segala aktiviti yang ke arah lebih kenal, mesra, tahu dan sesuai dengan sesuatu keadaan baru yang mirip kepada apa yang diorientasikan. Model 2.1 menggambarkan kedudukan institusi yang berorientasikan samada Islam atau konvensional.

Gambarajah 1: Gambaran kedudukan institusi berorientasikan Islam atau konvensional



Institusi berorientasikan Islam melibatkan institusi yang mengambil pendekatan syariah Islam dari pelbagai sudut terutama pengurusannya walaupun dengan kadar yang berbeza ataupun hanya dari aspek tertentu sahaja. Sesetengah institusi diorientasikan dengan Islam pada awal penubuhannya lagi, namun antaranya ada yang tidak berorientasikan Islam kemudiannya. Sesetengah institusi pula ada yang sudah lama beroperasi dan kemudiannya diberi nafas baru dengan pendekatan Islam oleh kepimpinannya samada bersifat sementara atau dikekalkan. Namun dalam semua keadaan ia tidak menampakkan banyak perbezaan dengan keseluruhan ciri-ciri institusi Islam yang dikemukakan. Selain itu, terdapat juga institusi yang pada namanya adalah Islam tetapi dari sudut pengurusan dan matlamat penubuhannya terpesong dari syariah Islam. Sehubungan dengan itu, secara keseluruhannya terdapat empat perincian bentuk institusi berorientasikan Islam, iaitu:

1. Institusi Islam dari kerangka konvensional. Institusi yang berobjektifkan Islam dan mengamalkan syariat Islam, namun demikian ia berada di bawah kuasa institusi konvensional atau institusi yang juga berorientasikan Islam. Ini bermakna institusi tersebut masih tertakluk kepada kuasa yang tidak sepenuhnya Islam.
2. Bentuk institusi amal Islam yang separa lengkap: institusi yang diasaskan oleh muslim tanpa terikat dengan mana-mana kuasa konvensional. Struktur dan jentera sosialnya melaksanakan pelbagai aktiviti untuk memenuhi keperluan masyarakat Islam dan bukan Islam samada dari sudut ekonomi, politik, sosial dan budaya. Budaya dan etikanya mempunyai nilai konvensional dan Islam. Ia juga berkepentingan keduniaan seperti memenuhi tuntutan kerjaya, masyarakat yang mendesaknya dan tuntutan pembangunan ekonomi dan sosial serta kepentingan lain. Institusi sebegini bergantung kepada keikhlasan (niat dan halatuju) kepimpinannya.
3. Institusi bukan Islam tetapi amal Islam: institusi yang mempunyai konsep kebajikan masyarakat dan melahirkan struktur aktiviti memenuhi keperluan manusia dan organisasinya. Ia mempunyai norma, etika, peraturan-peraturan formal dan organisasi nilai Islam walaupun pengamal institusi ini tidak Islam. Terdapat juga pengamal institusi yang tidak Islam tetapi betul mengamalkan norma, etika, peraturan-peraturan formal dan organisasi Islam. Namun jika ia tidak dinyatakan berdasarkan syariat Islam oleh penguasa dan pemiliknya

tidaklah dikatakan berorientasikan Islam, mungkin hanya meniru atau mengambil nilai Islam sahaja atas kepentingan kebendaan mereka sahaja.

4. Institusi Islam pada nama: institusi yang ditubuhkan atas nama Islam dan organisasi Islam. Ia mempunyai matlamat yang pelbagai dan tidak telus kepada tanggungjawab Islam. Agama pada institusi ini menjadi alat untuk mengekalkan kekuasaan, kepentingan dan melakukan suatu di luar syariat (Abu al-Ma'ālī Abu al-Futūh (1977)). Institusi sebegini boleh dikatakan berorientasikan Islam selagi ia tidak terpesong dari syariat Islam dan tidak membawa fitnah kepada Islam.

Sebelum diketengahkan perbandingan ini, rumusan kerangka konsep institusi, institusi Islam dan konvensional perlu difahami secara jelas kerana ia merupakan teras pemahaman perbandingan ini. Secara amnya perbandingan antara institusi konvensional dan Islam amat jelas, sebagaimana dirujuk kepada tajuk sekularisme sebelum ini yang menampakkan bahawa pusat institusi Islam adalah agama itu yang satu. Sedangkan institusi konvensional bersifat pragmatik yang berpandukan logik akal. Oleh itu, sekiranya institusi yang walaupun diamalkan masyarakat Islam, tetapi sekiranya tidak lansung mengambilkira kod dan norma dalam syariat Islam, ia dianggap konvensional. Pendekatan nilai dan etika Islam sahaja dalam mengisi institusi konvensional tidak akan merubah institusi tersebut kepada institusi Islam.

Manakala perbandingan antara institusi konvensional dan Islam dengan yang berorientasikan Islam pula perlu dilihat kepada penampilan institusi tersebut dan halatuju kepimpinannya. Sekiranya ia tidak menepati bentuk institusi Islam lengkap sebagaimana yang diterangkan pada tajuk institusi Islam lepas maka ia dianggap berorientasikan Islam. Institusi tersebut mestilah berada pada salah satu dari empat bentuk institusi berorientasikan Islam yang dibincangkan sebelum ini.

Keempat-empat bentuk institusi berorientasikan Islam yang diketengahkan itu mempunyai tahap atau peringkat orientasi Islam yang berbeza. Bentuk pertama dan kedua itu pada amnya kebanyakan masyarakat melabelkannya institusi Islam. Namun bagi pengkaji, ia masih dikatakan berorientasi kerana kedudukan tekal atau jaminan keIslamannya masih boleh dipertikaikan serta boleh berubah secara mudah mengikut budi bicara penguasa institusi itu. Akan tetapi sekiranya pihak

penguasa tidak secara langsung campur tangan atau membuat pengisian tidak mempunyai nilai Islam kepada institusi pada bentuk pertama itu, maka pengkaji boleh menerima sekiranya ia dianggap institusi Islam.

Institusi yang tidak boleh dikategorikan berorientasikan Islam berlaku apabila ia hanya menggunakan penjenamaan Islam semata-mata dan tidak mencerminkan bentuk sebenar Islam dari sudut norma, etika dan pembudayaannya.⁸ Institusi ini sekadar hanya menggunakan nama Islam sahaja sedangkan kepentingannya bersifat material dan sesetengahnya anti Islam (Muhammad Abu Zahrah (1970), h. 153). Pendekatan sebegini didasarkan kepada perbandingan yang Allah s.w.t. telah tentukan antara Masjid Diror dan Masjid Taqwa. Perbandingan sebegini menampakkan seolah-olah institusi pun bersifat seperti kedudukan dan status manusia, ada yang Muslim, muttaqin, mukmin, fasiq, munafiq dan pengelasan lain. Dalam sejarah Islam, peristiwa merobohkan masjid Diror dan membakarnya adalah atas arahan Nabi Muhammad s.a.w. dengan sebab ia dijadikan pusat pengumpulan kekuatan untuk meruntuhkan kerajaan Islam Madinah dan menyebarkan unsur pecah-belah dalam masyarakat Islam.⁹

⁸ Bentuk penjenamaan seperti mengistilahkan Islam kepada 'Islam Moden', 'Islam Liberal' dan 'Islam lapuk' semata-mata membentuk pembaharuan model sendiri. (Lihat dalam web al-Yasar, <http://www.tranungkite.net/c01/yasar1.htm>. 11 September 2004).

⁹ Kisahnya berkisar tentang seorang paderi dari Bani Khazraj di Madinah iaitu Abu 'Amir ar Rahib (alim Ahli Kitab) yang berusaha menjatuhkan Islam. Beliau gigih menentang ajaran Rasulullah s.a.w.. Salah satu pendekatan beliau ialah cuba memecahbelahkan umat Islam dengan membina masjid berdekatan dengan masjid Quba' yang sedia ada. Beliau juga pernah meminta Qaisar Rom menghapuskan Rasulullah s.a.w. dan sahabatnya. Sebagai tanda pengesahan masjid itu, orang-orang munafiq pernah meminta Rasulullah s.a.w. bersembahyang dan mendoakan keberkatan pada mereka. Tetapi sebelum Rasulullah s.a.w. pergi ke situ, Allah s.w.t. lantas menurunkan ayat 108 surah al-Taubah; yang difahami menegah Rasulullah s.a.w. dari menghadirinya dan bertindak terhadap institusi seperti itu. (Tafsir Ibnu Kathir (1970). Tafsir al-Quran al-Azīm, jil.3, Beirut: Dār al-Fikr, Surah al-Taubah 9: 107 dan 108).

وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مَسْجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَفْرِيقًا بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ وَإِرْصَادًا
لِمَنْ حَارَبَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ مِنْ قَبْلُ وَلَيَحْلِفُنَّ إِنْ أَرَدْنَا إِلَّا الْحُسْنَىَ وَاللَّهُ
يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿١٠٧﴾ لَا تَقُمْ فِيهِ أَبَدًا لَمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَى
مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَّطَهَّرُوا وَاللَّهُ
يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ ﴿١٠٨﴾

Maksudnya: "Dan (di antara orang-orang munafik juga ialah) orang-orang yang membina masjid dengan tujuan membahayakan (keselamatan orang-orang Islam), dan (menguatkan) keingkaran (mereka sendiri), serta memecah-belahkan perpaduan orang-orang yang beriman, dan juga untuk (dijadikan tempat) intipan bagi orang yang memerangi Allah dan RasulNya sebelum itu. Dan (apabila tujuan mereka yang buruk itu ketara), mereka akan bersumpah dengan berkata: "Tidaklah yang kami kehendaki (dengan mendirikan masjid ini) melainkan untuk kebaikan

Kesimpulannya, Masjid Taqwa merupakan model institusi Islam yang dibina atas dasar taqwa dan melalui 5 ciri pembinaan, orang-orang beriman kepada Allah, Qiamat, tetap kerjakan ibadat solat dan zakat, takutkan Allah (Ramli Awang (1984), h. 48). Masjid Diror pula institusi bercirikan: menimbulkan risiko dan bahaya, ingkar kepada Allah s.w.t., memecahbelahkan orang beriman dan bermatlamatkan sesuatu selain dari keredhaan Allah s.w.t. (Ibnu Kathir (1970), h. 451 dan 452). Sebab-sebab pertembungan ialah (Ramli Awang (1984)): penyelewengan, dasar pemerintahan *tāghūt* (terdapat pembinaan masjid sebagai usaha memancing undi) dan perlantikan imam-imam yang jahil dan lemah pengetahuan dan penghayatan Islamnya.

Penilaian samada status sebuah institusi konvensional, Islam atau berorientasikan Islam perlulah melalui penelitian dan pemantauan yang berterusan oleh panel yang boleh dipercayai keilmuan dan amanahnya kerana berkemungkinan sesebuah institusi konvensional itu boleh bertukar menjadi institusi Islam atau berorientasikan Islam, begitu jugalah sebaliknya. Namun institusi asas Islam seperti masjid boleh dinilai secara jelas sebagai institusi Islam walaupun mungkin boleh terjadi ianya bertukar status.¹⁰ Apa yang membezakan antara institusi Islam dan yang berorientasikan Islam hanyalah dari sudut fungsi dan keperluan masyarakat terhadapnya serta penerimaan masyarakat dari sudut adat, budaya dan

semata-mata". Padahal Allah menyaksikan, bahawa sesungguhnya mereka adalah berdusta {107} Jangan engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya masjid (Quba' yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan atas dasar taqwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin)" {108}.

¹⁰ Seperti masjid Diror. Lihat al-Quran surah al-Taubah (9): 107 dan 108.

وَالَّذِينَ اتَّخَذُوا مَسْجِدًا ضِرَارًا وَكُفْرًا وَتَفْرِيقًا بَيْنَ الْمُؤْمِنِينَ وَإِرْصَادًا
لِّمَنْ حَارَبَ اللَّهَ وَرَسُولَهُ مِنْ قَبْلُ وَلَيَحْلِفُنَّ إِنْ أَرَدْنَا إِلَّا الْحُسْنَى وَاللَّهِ
يَشْهَدُ إِنَّهُمْ لَكَاذِبُونَ ﴿١٠٧﴾ لَا تَقُمْ فِيهِ أَبَدًا لَمَسْجِدٍ أُسِّسَ عَلَى التَّقْوَى
مِنْ أَوَّلِ يَوْمٍ أَحَقُّ أَنْ تَقُومَ فِيهِ فِيهِ رِجَالٌ يُحِبُّونَ أَنْ يَتَطَهَّرُوا وَاللَّهُ
يُحِبُّ الْمُطَهَّرِينَ ﴿١٠٨﴾

penjenamaan.¹¹ Begitu juga walaupun sesetengah institusi konvensional menggunakan Islam dari sudut pengurusan dan penjenamaan tetapi ia tetap tidak merubah identiti institusi itu kepada institusi berorientasikan Islam sekiranya tiada langsung terdapat dalam objektif institusi tersebut ke arah kemajuan Islam.

Penjenamaan Islam tidak menjamin bahawa institusi tersebut Islam. Perbandingan institusi secara kasarnya nampak seakan-akan sama dengan manusia yang walaupun muslim tetapi ia tidaklah muslim yang lengkap mencapai taraf 'Insan Kamil'. Akan tetapi terdapat perbezaan yang ketara dari sudut bahawa manusia ada Hari Pembalasannya sedangkan institusi tidak. Bagi pengkaji, institusi perlu dihukum atau dilakukan tindakan di dunia lagi, sebagaimana perintah Allah s.w.t. kepada RasulNya supaya meruntuhkan Masjid Diror. Atas dasar inilah perlunya dinyatakan bentuk institusi yang wajib dilakukan tindakan sekiranya ia membawa fitnah kepada Islam dan umatnya. Begitu juga perlu ada penambahbaikan kepada institusi yang menuju ke arah pelaksanaan Islam. Apa yang menjadi diharapkan ialah klasifikasi institusi ini memerlukan mekanisme hukum dan pembuat hukum serta penguatkuasaan yang beramanah, mantap dan boleh dipercayai.

4. Pengenalan Penyelidikan

Kajian ini mempunyai nilai tersendiri apabila mengetengahkan realiti dan ukuran sebenar penerimaan dan keperluan institusi berorientasikan Islam oleh masyarakat majmuk yang berada dalam negara dan negeri yang dibangun menitikberatkan soal nilai dan keagamaan. Kenyataan itu nanti boleh menjadi garis awal kepada masyarakat untuk menilai semula kehidupan yang dilalui supaya berada pada landasan sebenar.

Kajian ini berasaskan objektif bagi menilai sejauhmana penerimaan dan keperluan masyarakat majmuk terhadap institusi berorientasikan Islam.

¹¹ Perbezaan dari sudut fungsi dan keperluan masyarakat contohnya antara rumah ibadat dan institusi perniagaan, rumah ibadat lebih kepada keakhiratan yang berbeza dengan fungsi institusi perniagaan. Manakala penerimaan masyarakat dari sudut adat, budaya dan penjenamaan contohnya Bank Islam, Tabung Haji, Majlis Agama dan JAKIM, kesemuanya dilabelkan dengan Islam sedangkan institusi berorientasikan Islam mungkin tidak berlabel dan tidak diketahuipun ada status/ciri Islam di dalamnya.

Kenyataan fakta secara terperinci ialah berkenaan penglibatan masyarakat majmuk dengan institusi berorientasikan Islam yang mengambilkira pengalaman berurusan dengan institusi di bawah PKB, kemudian kepekaan dan keperihatinan masyarakat majmuk terhadap kepentingan menyokong membangunkan aktiviti institusi berorientasikan Islam dengan mengambilkira keperluan mereka. Kemudiannya halatuju masyarakat majmuk dalam menghadapi masa hadapan adakah mengambilkira aktiviti institusi berorientasikan Islam sebagai sebahagian dari pelengkap wawasan diri, masyarakat dan negara. Persoalan tambahan turut dikaji ialah berkenaan sejauhmana wujudnya sentimen yang mempengaruhi data penerimaan.

Dalam usaha tersebut, pengkaji memilih mengetengahkan realiti penerimaan masyarakat majmuk Kota Bharu terhadap institusi berorientasikan Islam di bawah Permodalan Kelantan Berhad seperti Institut Teknologi Darulnaim, Hotel Ansar, Pusat Rawatan Islam An Nisa' dan Pusat Gadaian Islam Ar Rahn. Sebagai anak syarikat milik kerajaan Kelantan yang berinspirasi pembangunan Islam dan sosio ekonomi, institusi berorientasikan Islam di bawah Permodalan Kelantan Berhad dibangunkan dalam ruang bidang kuasa, pengurusan, hal ehwal undang-undang dan kemampuan kewangan yang terhad. Informan dan respondennya tertumpu kepada semua komuniti dalam masyarakat majmuk di kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu meliputi segenap lapisan masyarakat yang berkerakyatan Malaysia. Mereka terdiri dari pelbagai kaum, etnik, agama, kerjaya, umur, jantina, budaya dan taraf hidup. Saiz dan sampel kajian ditetapkan berdasarkan formula yang disyorkan oleh Isaac dan Micheal (1979) dan Sekeran (1992).¹²

Bagi memperolehi hasil kajian, pengumpulan data melalui kaedah dokumentasi, wawancara dan instrumen soal selidik dilakukan. Sebelum penganalisan dapatan kajian instrumen soal selidik, dapatan kajian dari kaedah wawancara berstruktur dan berstrata terlebih dahulu dianalisis dengan bantuan komputer melalui perisian Statistical Package For the Social Sciences (SPSS) versi 13, dengan

¹² Sekeran, Uma (1992), *Research Methods For Business: A Skill Building Approach*. c. 2, New York: John Wiley & Sons Inc. ; Isaac, S & Micheal, W.B. (1979), *Handbook In Research and Evaluation: Acollection Of Principles, Methods and Strategies Useful In Planning, Design And Evaluation Of Sciences*. t.tp.: Publication's San Diego.

menggunakan teknik statistik deskriptif. Pengkaji menggunakan skala ordinal untuk merumuskan analisis demografi informan dan kenyataan penglibatan dengan institusi di bawah Permodalan Kelantan Berhad. Melalui wawancara, data perolehan yang banyak menyebabkan pengkaji menggunakan teknik penipisan dan saringan manual dengan cara membuang fakta yang dalam kategori berikut; tidak berkaitan dengan objektif, tidak difahami atau bersifat pengulangan. Penerimaan semua idea yang terkumpul akan menjadi sokongan kepada instrumen soal selidik dan draf teknik Delphi kemudiannya.

Penganalisan data bagi kaedah soal selidik dilakukan juga dengan menggunakan perisian SPSS versi 13. Teknik statistik yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah teknik statistik deskriptif. Statistik deskriptif merupakan teknik untuk memperihalkan keadaan data yang diperolehi. Ia akan menghuraikan dapatan kajian daripada soal selidik yang dijelaskan dalam bentuk peratusan (%), Purata (min) dan mod. Berkenaan analisis data demografi responden, ia dihuraikan dalam bentuk peratusan dan kekerapan yang dipersembahkan melalui rajah. Bilangan responden yang berdasarkan agama, keturunan, jantina dan peringkat umur mewakili nisbah sebenar masyarakat Kota Bharu diukur melalui peratusan yang diperuntukkan. Pengkaji menggunakan skala nominal “Ya”, “Tidak Pasti” dan “Tidak” bagi mendapatkan matlumat berkenaan penerimaan masyarakat majmuk terhadap aktiviti institusi berorientasikan Islam di Kota Bharu, keperihatinan mereka terhadap kepentingan menyokong aktiviti institusi berorientasikan Islam dan halatuju mereka dalam mengambilkira aktiviti institusi berorientasikan Islam sebahagian dari pelengkap wawasan diri, masyarakat dan negara. Matlumat yang mendapat jumlah purata dan peratus tertinggi akan merupakan kenyataan yang paling diterima.

5. Analisis dan Hasil Kajian

Penerimaan masyarakat majmuk terhadap aktiviti institusi berorientasikan Islam melalui sampel institusi di bawah Permodalan Kelantan Berhad telah memberikan suatu gambaran dan pendirian semasa masyarakat majmuk Kota Bharu. Berikut adalah analisa dua kenyataan fakta yang diambil data dari 140 orang informan dan 400 orang responden.

1. Penglibatan masyarakat majmuk dengan aktiviti institusi berorientasikan Islam; Penglibatan ini mengambilkira pengalaman berurusan dengan institusi di bawah PKB, kemudian penyertaan atau kepekaan dan keperihatinan masyarakat majmuk terhadap kepentingan menyokong dan membangunkan aktiviti institusi berorientasikan institusi itu dan sejauhmana nilai institusi itu diambilkira dari sudut keperluan mereka. Gambaran awal perkara ini jika dirujuk kepada petunjuk jadual hasil wawancara adalah sebagaimana berikut:

Jadual 1: Purata Penerimaan masyarakat majmuk terhadap institusi berorientasikan Islam.

Item	Bil. Informan	Purata dari skala; (-)1----2----3(+)
1. Pernah berurusan dengan institusi di bawah PKB	140	2.21
2. Setuju dengan aktiviti institusi berorientasikan Islam.		2.46
3. Institusi berorientasikan Islam menepati keperluan masyarakat majmuk.		2.24
4. Reaksi ketiadaan Institusi berorientasikan Islam.		2.24
5. Mampukah Institusi berorientasikan Islam membangun dan diterima.		2.66

Penerimaan masyarakat majmuk Kota Bharu terhadap aktiviti institusi berorientasikan Islam berdasarkan jadual 1. di atas adalah hanya sekitar 2.2 dan 2.6 sahaja daripada yang sepatutnya lebih mencecah kepada skala 3 (terima). Ini menunjukkan kesedaran dan kemantapan terhadap penerimaan institusi berorientasikan Islam dan Islam secara amnya masih di tahap sederhana. Namun perolehan ini menggambarkan tiada unsur penolakan yang mencukupi dan tegas terhadap institusi berorientasikan Islam tersebut.

Secara lebih lanjut, apabila informan ditanya: Adakah anda pernah melakukan sebarang urusan di Permodalan Kelantan Berhad, Pusat Perubatan an-Nisa', Pusat Gadaian al-Rahnu, Hotel Ansar dan Institut Teknologi Darulnaim. Seramai 62 orang mengatakan pernah berbanding 78 orang lagi berdasarkan jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Peratusan Informan Yang Pernah berurusan dengan institusi di bawah PKB

Skala	Bilangan	Peratus
Tidak pernah	32	22.9%

Tidak dan hanya kenal	46	32.9%
Pernah	62	44.3%
Jumlah	140	100.0%


Begitu juga, melalui kaedah soal selidik, pada permulaannya dinyatakan jumlah bilangan responden yang pernah dan tidak pernah berurusan dengan institusi di bawah Permodalan Kelantan Berhad secara terperinci.

Jadual 3: Jumlah Responden yang pernah berurusan dengan institusi di Bawah Permodalan Kelantan Berhad.

Item Institusi Berorientasikan Islam di Bawah Permodalan Kelantan Berhad	Skala	Bilangan	Peratus
6. Pusat Rawatan Islam an Nisa'	Tidak	327	81.8%
	Ya	73	18.3%
	Jumlah	400	100.0%
7. Pusat Gadaian Islam ar Rahn	Tidak	333	83.3%
	Ya	67	16.8%
	Jumlah	400	100.0%
8. Hotel Ansar	Tidak	283	70.8%
	Ya	117	29.3%
	Jumlah	400	100.0%
9. Institut Teknologi Darulnaim	Tidak	300	75.0%
	Ya	100	25.0%
	Jumlah	400	100.0%

Jadual 3 di atas memberi gambaran awal bahawa hanya purata **22.35%** ($18.3+16.8+29.3+25/4$) dari keseluruhan responden yang pernah berurusan dengan institusi di bawah PKB dengan penerimaan terbaik adalah Hotel Ansar dengan (29.3%) iaitu 117 orang yang pernah berurusan. Masyarakat majmuk Kota Bharu kurang berurusan (18.3%) dengan Pusat Rawatan Islam an-Nisa' dan amat kurang berurusan (16.8%) dengan Pusat Gadaian Islam ar-Rahn. Hanya sebilangan kecil (29.3%) masyarakat majmuk Kota Bharu pernah berurusan dengan Hotel Ansar, begitu juga dengan Institut Teknologi Darulnaim (25%). Carta Bar 1 di bawah dapat memberikan gambaran lebih jelas kepada penerangan yang diberikan tadi.

Carta Bar 1:



Kriteria bagi no. Item¹³:

1. Purata dan peratusan dari informan berkenaan pernah berurusan dengan institusi di bawah Permodalan Kelantan Berhad.
2. (10) Purata dan peratusan dari responden berkenaan pernah berurusan dengan institusi di bawah Permodalan Kelantan Berhad.
3. (6) Pendetailan peratusan dari responden untuk an Nisa'
4. (7) Pendetailan peratusan dari responden untuk ar Rahn
5. (8) Pendetailan peratusan dari responden untuk Hotel Ansar
6. (9) Pendetailan peratusan dari responden untuk ITD

Kemudiannya dari sudut penglibatan kepekaan dan keperihatinan masyarakat terhadap institusi berorientasikan Islam umum, secara terperinci dinyatakan dalam jadual 4. hasil wawancara berikut:

Jadual 4.: Jumlah Informan yang bersetuju dengan institusi berorientasikan Islam.

Skala	Bilangan	Peratus
Tidak setuju	16	11.4%
kurang setuju	44	31.4%
Setuju	80	57.1%
Jumlah	140	100.0%

Walaupun jadual 2 sebelum ini menjelaskan hanya 44.3% yang pernah berurusan dengan institusi di bawah PKB dan peratusan itu melibatkan juga sebilangan

¹³ Kesemua nombor item bagi responden soal selidik dalam bab ini disertakan dalam kurungan () dan diselaraskan dengan nombor item dalam instrumen soal selidik.

kecil kakitangan di institusi tersebut¹⁴ tetapi majoriti masyarakat majmuk bersetuju dengan institusi tersebut (57.1%), lebih-lebih lagi untuk dioptimumkan penerimaannya.

Meskipun begitu, apabila ditanya, adakah institusi berorientasikan Islam menepati keperluan masyarakat majmuk atau ditujukan kepada selain kepentingan orang Islam, ramai (60%) yang tidak dan kurang pasti tentang perkara ini.

Lihat jadual 5.: Peratusan Informan yang menyatakan Institusi Islam menepati masyarakat majmuk.

Skala	Bilangan	Peratus
Tidak tepat	23	16.4%
kurang tepat	61	43.6%
Tepat	56	40.0%
Jumlah	140	100.0%

Dalam soal selidik, kenyataan yang tidak bercanggahan dijelaskan berdasarkan jadual 6 berikut;


Jadual 6: Peratusan Responden yang menyatakan Institusi Islam menepati masyarakat majmuk.

Item:	Skala	Kekerapan	Peratus	Purata
10. Pernah berurusan dengan institusi di bawah PKB	Tidak	203	50.8%	1.90
	Tidak Pasti	35	8.8%	
	Ya	162	40.5%	
	Jumlah	400	100.0%	
11. Menerima walaupun Lemah pengurusan dan kepakarannya	Tidak	114	28.5%	2.14
	Tidak Pasti	115	28.8%	
	Ya	171	42.8%	
	Jumlah	400	100.0%	
12. Menerima walaupun Lemah nilai dan etika kerjanya	Tidak	136	34.0%	2.03
	Tidak Pasti	116	29.0%	
	Ya	148	37.0%	
	Jumlah	400	100.0%	
13. Menerima walaupun Belum maju dan membangun	Tidak	195	48.8%	
	Tidak Pasti	129	32.3%	

¹⁴ Seramai 8 orang, Mereka ialah Siti Faridah, Ustazah Rosmaliza bin Mohammad, Pn. Atira, Pn Anis dan Abdul Aziz Mohd Zain dari an Nisa', Hajah Raznah bt. Abdullah dan Hj Fauzi Md Said dari ar Rahn dan Pn. Hamidah dari ITD.

	Ya	76	19.0%	1.70
	Jumlah	400	100.0%	

Berdasarkan jadual 6 di atas, penglibatan masyarakat majmuk terhadap institusi di bawah Permodalan Kelantan Berhad dan adalah sekitar 40.5% sahaja. Berkenaan kepekaan dan keperihatinan mereka pula: masyarakat majmuk Kota Bharu masih boleh menerima untuk berurusan dengan institusi berorientasikan Islam yang lemah pengurusan dan kepakaran (42.8%, 2.14) serta lemah tata susila (37.0%, 2.03) walaupun peratusannya rendah. Akan tetapi mereka tidak menerima (81%, 1.7) institusi yang belum maju. Pendetailan di atas dapat dilihat pada Carta Bar 2:



Merujuk kepada carta 2:

- Pernyataan pandangan Informan dan responden bagi no. Item:
1. Setuju dengan aktiviti institusi berorientasikan Islam
 2. Institusi berorientasikan Islam menepati keperluan masyarakat majmuk
 3. **(11)** Menerima walaupun Lemah pengurusan dan kepakarannya
 4. **(12)** Menerima walaupun Lemah nilai dan etika kerjanya
 5. **(13)** Menerima walaupun Belum maju dan membangun.

Begitu juga, kepekaan dan keperihatinan masyarakat majmuk terhadap kepentingan menyokong dan menggerakkan penerimaan institusi berorientasikan


Islam, harga dan nilai institusi itu diambilkira dari sudut keperluan mereka berdasarkan jadual 7 di bawah.

Jadual 7: Sokongan menggerakkan institusi Berorientasikan Islam.

Item:	Skala	Kekerapan	Peratus	Purata
Melibatkan diri walaupun berbeza kepercayaan (toleransi dan persefahaman)	Tidak	67	16.8%	2.33
	Tidak Pasti	133	33.3%	
	Ya	200	50.0%	
	Jumlah	400	100.0%	
Melibatkan diri walaupun mengambilkira adat dan budaya	Tidak	40	10.0%	2.59
	Tidak Pasti	84	21.0%	
	Ya	276	69.0%	
	Jumlah	400	100.0%	
Melibatkan diri walaupun mengutamakan perundangan hukum/ syariah Islam	Tidak	133	33.3%	2.05
	Tidak Pasti	113	28.3%	
	Ya	154	38.5%	
	Jumlah	400	100.0%	
Melibatkan diri walaupun menekankan tatasusila hidup	Tidak	99	24.8%	2.27
	Tidak Pasti	93	23.3%	
	Ya	208	52.0%	
	Jumlah	400	100.0%	

Masyarakat majmuk Kota Bharu boleh menerima (50%, 2.33) untuk berurusan dengan institusi berorientasikan Islam walaupun sesetengahnya berbeza agama dan sekiranya terdapat perbezaan tatasusila hidup (52%, 2.27). Mereka amat menerima (69%, 2.59) untuk berurusan dengan institusi berorientasikan Islam walaupun sesetengahnya berbeza adat dan budaya, akan tetapi tidak (61.5%, 2.05) untuk berurusan dengan institusi yang amat menitik beratkan soal perundangan hukum. Sila lihat Carta Bar 3 berikut:

Carta Bar 3 :



- No. Item: Sokongan dari responden
1. **(14)** Melibatkan diri walaupun berbeza kepercayaan (toleransi dan persefahaman)
 2. **(15)** Melibatkan diri walaupun mengambilkira adat dan budaya
 3. **(16)** Melibatkan diri walaupun mengutamakan perundangan hukum/ syariah Islam
 4. **(17)** Melibatkan diri walaupun menekankan tatasusila hidup.

2. Halatuju masyarakat majmuk dalam kehidupan adakah mengambilkira pembangunan institusi Islam sebahagian dari melengkapkan lagi wawasan diri, masyarakat dan negara.

Melalui wawancara, halatuju masyarakat majmuk digambarkan hanya 39.3% sahaja yang ingin memperjuangkan kegemilangan institusi berorientasikan Islam sekiranya ia mengalami kemerosotan dan ancaman atau ditiadakan berdasarkan jadual 8 di bawah:

Jadual 8: Reaksi Informan sekiranya tiada institusi berorientasikan Islam

Skala	Bilangan	Peratus
Tiada perasaan apa	22	15.7%
Sedih	63	45.0%
Sedih dan jihad	55	39.3%
Jumlah	140	100.0%

Namun demikian, ramai (67.1%) yang akur dengan kemampuan institusi berorientasikan Islam untuk bergerak maju walau terdapat sebilangan kecil yang menafikannya.

Jadual 9: Penilaian Mampukah institusi berorientasikan Islam maju dan diterima

Skala	Bilangan	Peratus
Tidak mampu	2	1.4%
kurang mampu	44	31.4%
Mampu	94	67.1%
Jumlah	140	100.0%


Kedudukan yang sama juga dapat diukur dari dapatan soal selidik apabila sebilangan kecil sahaja (31.5%, 2.01) yang menyokong sekiranya hanya institusi berorientasikan Islam sahaja wujud di Malaysia dan tidak sampai separuh (45.3%, 2.32) masyarakat Kota Bharu menggalakkan diperjuangkan syiar Islam sekiranya institusi Islam tidak wujud. Begitulah juga yang mengesyorkan pembinaan semula institusi beridentitikan Islam sekiranya ia sudah tidak wujud lagi tidaklah membanggakan dengan (57.3%, 2.48) sahaja. Akan tetapi masyarakat Kota Bharu yang menyokong sekiranya institusi berorientasikan Islam bertambah maju (84.3%, 2.80) dan secara optimis menyatakan institusi Islam dapat membangun dan diterima (76.5%, 2.73) adalah bermajoriti besar. Perkara ini dibuktikan melalui jadual 7.10. di bawah.

Jadual 10: Menilai halatuju dan pendirian masyarakat majmuk berkenaan institusi berorientasikan Islam.

Item:	Skala	Kekerapan	Peratus	Purata
Menerima institusi berorientasikan Islam maju	Tidak	19	4.8%	2.80
	Tidak Pasti	44	11.0%	
	Ya	337	84.3%	
	Jumlah	400	100.0%	
Menerima hanya institusi berorientasikan Islam sahaja di Kota Bharu	Tidak	122	30.5%	2.01
	Tidak Pasti	152	38.0%	
	Ya	126	31.5%	
	Jumlah	400	100.0%	
Perjuangkan syiar Islam apabila institusi	Tidak	52	13.0%	

berorientasikan Islam tiada	Tidak Pasti	167	41.8%	2.32
	Ya	181	45.3%	
	Jumlah	400	100.0%	
Bina institusi beridentiti Islam apabila institusi berorientasikan Islam tiada	Tidak	39	9.8%	2.48
	Tidak Pasti	132	33.0%	
	Ya	229	57.3%	
	Jumlah	400	100.0%	
Institusi berorientasikan Islam akan membangun	Tidak	13	3.3%	2.73
	Tidak Pasti	81	20.3%	
	Ya	306	76.5%	
	Jumlah	400	100.0%	

Keterangan berganda dapat dilihat pada Carta Bar 4 berikut:



No. Item adalah mewakili pandangan:

1. Reaksi Informan sekiranya tiada institusi berorientasikan Islam
 2. Penilaian Mampukah institusi berorientasikan Islam maju dan diterima
- Daripada pandangan responden:
3. **(18)** Menerima institusi berorientasikan Islam maju
 4. **(19)** Menerima hanya institusi berorientasikan Islam sahaja di Kota Bharu
 5. **(20)** Perjuangkan syiar Islam apabila institusi berorientasikan Islam tiada
 6. **(21)** Bina institusi beridentiti Islam apabila institusi berorientasikan Islam tiada
 7. **(22)** Institusi berorientasikan Islam akan membangun

Berdasarkan keseluruhan dapatan kajian dan analisis diskriptif yang diperjelaskan ternyata bahawa:

1. Masyarakat majmuk Kota Bharu masih kurang berurusan dengan kebanyakan institusi di bawah Permodalan Kelantan Berhad seperti ar Rahn, an Nisa', Hotel Ansar dan ITD.
2. Institusi Berorientasikan Islam di bawah Permodalan Kelantan Berhad diterima pengurusan dan aktiviti oleh masyarakat majmuk dan dianggap memenuhi kriteria institusi berorientasikan Islam.
3. Masyarakat majmuk Kota Bharu bersetuju bahawa peningkatan penerimaan institusi berorientasikan Islam perlu dilakukan dengan segera secara bersama.
4. Walaupun tidak ramai masyarakat majmuk merelakan diri berjihad dan berjuang menegakkan institusi berorientasikan Islam, namun ramai yang bersetuju ianya diperjuangkan.
5. Masyarakat majmuk akur bahawa institusi tersebut mampu dibangunkan dan menjadi gemilang dan terbilang dalam jangka masa ke hadapan.

Kesimpulan dan Penutup

Kesimpulan yang dapat diambil ialah masyarakat majmuk masih di tahap sederhana dalam memberikan komitmen penerimaan terhadap institusi berorientasikan Islam lebih-lebih lagi kepada sampel kajian iaitu institusi di bawah Permodalan Kelantan Berhad walaupun sebilangan besar mereka bersetuju sekiranya penerimaan institusi ini dimartabatkan dan diperjuangkan sebaik mungkin. Mereka juga yakin bahawa institusi berorientasikan Islam akan diterima (gemilang) dalam jangka waktu ke hadapan.

Memandangkan penerimaan masyarakat majmuk masih kurang terjamin, maka perhatian serius perlu diambil supaya peradaban dan nilai Islam tidak terus merosot. Nilai ukuran tersebut memang jelas menggambarkan parahnya kedudukan Islam kini dalam masyarakat majmuk. Masyarakat majmuk kini hanya mempunyai satu pilihan sahaja bagi menyelamatkan keadaan yang ada, iaitu dengan cara kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Tiada pelepasan yang boleh diberikan kepada individu dalam masyarakat walaupun kepada individu bukan Islam. Mereka tidak boleh mendabik dada dengan membiarkan nasib dasar Negara yang bercirikan Islam hanya dibangunkan oleh masyarakat

Islam sahaja. Ini kerana konsep ‘ummah’ dalam Islam adalah perkongsian hidup masyarakat majmuk dengan meletakkan Islam sebagai rujukan tertinggi. Masyarakat Islam terutamanya perlu sedar bahawa hidup mereka diambang kegelapan selagi mereka masih berpada dengan hanya mengamalkan Islam sebagai satu budaya.

Bibliografi

- Abd. Bin Nuh dan Oemar Bakry (1995), *Kamus Melayu Arab Inggeris, Arab Melayu Inggeris*, Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Abu al-Ma’āli Abu al-Futūh, (1977). *Hatmiyatul al-Hāli al-Islāmi Ta’ammalat fi Nizōm al-Siyāsi*, Kāherah: t.p.
- ‘Ali al-Quraisyiy (1989), *al-Taghyīr al-Ijtimā’i ‘Inda Malik bin Nabi*, Misr: al Zahra li al I’lam al-‘Ara’i.
- Alias Mohamed (1973), “Pembangunan Masyarakat; Cara pelaksanaan yang lebih berkesan”, Laporan Seminar Pentadbiran Am dan Perlaksanaan Rancangan Malaysia ke tiga, jil.1, bil. 2, Kuala Terengganu.
- al Munjīd Fi al Lughah wa al A’lām* (1986) Beirūt: Dār al Mashrīq.
- Atan Long (1976) *Psikologi Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Button, John (1988), *A Dictionary Of Green Ideas*, Routledge, London.
- Azhar Ali (1988/89) *Polemik Dalam Pentakrifan konsep Pembangunan; Penyelesaian Yang Menjurus kepada Perspektif Islam*”, Majalah Inspirasi, bil.13, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Isaac, S dan Micheal, W.B. (1979), *Handbook In Research and Evaluation: A collection Of Principles, Methods and Strategies Useful In Planning, Design And Evaluation Of Sciences*. t.tp.: Publication’s San Diego.
- Kamus Dewan* (2002), Edisi ke tiga, Kuala Lumpur: Dewan bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Pelajar*, Bahasa Malaysia (1988), c. 3, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamus Dwibahasa* (1990), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dwi Bahasa, Oxford Fajar*, Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti
- Hornby, A.S. (1995), *Oxford, Advanced Learner’s Dictionary*, c.5., Oxford University Press.
- Maslow (1954), *Motivation and Personality*, New York: Harper.
- Muhammad Abu Zahrah (1970), *Al-Mujtama’ al-Insāni fi Zilāl al-Qurān*, c. 2, Beirūt: Dār al-Fikr.
- Muhammad Syukri Salleh (1987). *Pembangunan Berteraskan Islam*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti
- Rahimah Abdul Aziz (t.th), *Pengantar Sosiologi Pembangunan* c. 1 , Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka.
- Ramli Awang (1984), *Toghut dan Penyelewengan Masjid*, Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Imran.
- Rostow, W.W (1960-an), *The Stages Of Economic Growth-non-communist Manifestoc*, c. 2, New York, Cambridge University Press.
- Sekeran, Uma (1992), *Research Methods For Business: A Skill Building Approach*. c. 2, New York: John Wiley & Sons Inc.

Sistem pemerintahan dalam Islam (20hb. Ogos 1985), Mohd Akhir Yaakob (terj.), Jabatan Syariah Fakulti Pengajian Islam UKM, Kuala Lumpur: BAHEIS, JPM.

Syed Husin Ali (1976), *Apa Erti Pembangunan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tafsir Ibnu Kathir (1970), jil.3, Beirut: Dār al-Fikr

Web usm, <http://www.soc.usm.my/artikel/syukri.html> (7 Disember 2003).

Web al-Yasar, <http://www.tranungkite.net/c01/yasar1.htm>. (11 September 2004)